



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,  
Regional Development and Communications

# Perkhidmatan perumahan

Disampaikan oleh Jabatan Komuniti – Lembaga Perumahan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

## Perkhidmatan

Jabatan Komuniti – Lembaga Perumahan, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut:

- Sokongan pengurusan perumahan – membantu Kerajaan Australia menguruskan perumahan sosial di Wilayah Lautan Hindi selaras dengan dasar, prosedur dan garis panduan yang berkenaan di samping memberikan nasihat tentang perumahan pekerja.
- Nasihat tentang dasar dan sokongan untuk Kerajaan Australia tentang pelbagai masalah yang berkait dengan perumahan
- Penilaian – nasihat dan bantuan tentang penilaian harta tanah Kerajaan Australia yang digunakan dalam hal menetapkan kadar sewa atau melupuskan harta tanah
- Khidmat kontraktor dan pembinaan – nasihat dan perkhidmatan untuk Kerajaan Australia yang memudahkan proses pemerolehan atau kenaikan taraf perumahan masa depan.

## Apakah ertiannya bagi saya?

Kerajaan Australia menguruskan perumahan sosial di Wilayah Lautan Hindi menggunakan dasar dan garis panduan Jabatan Komuniti, antara lainnya:

- dasar kelayakan, dasar dan amalan pengurusan penyewa serta penyewaan harta tanah
- prosedur untuk menolong Kerajaan Australia mengawal dan mengatur urusan penyewaan sehari-hari.

## Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6217 6888 atau 1800 176 888
E-mel	<a href="mailto:broome@communities.wa.gov.au">broome@communities.wa.gov.au</a>
Laman web	<a href="http://www.housing.wa.gov.au">www.housing.wa.gov.au</a>